

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED**  
**ABDUL FASAL**  
**KAWASAN : BUKIT GANTANG**  
**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB DATUK SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah penyelesaian Kerajaan bagi Jalan Persekutuan (1) yang bermula daripada Susur Keluar Tol Taiping Utara, Perak menghala ke Simpang Empat, Taiping, Perak (dalam Parlimen Bukit Gantang) memandangkan keadaan jalan yang rosak dan tinggi rendah yang membahayakan keselamatan pengguna jalan raya.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah panjang jalan Persekutuan yang disenggara bagi Daerah Larut, Matang & Selama (LMS), Perak yang merangkumi tiga kawasan Parlimen iaitu Bukit Gantang, Larut dan Taiping adalah sepanjang **127.616 km**. Manakala panjang jalan Persekutuan bagi kawasan Parlimen Bukit Gantang adalah sepanjang **78.79 km**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jalan Persekutuan yang dimaksudkan adalah bermula daripada susur keluar tol di Taiping Utara, Perak menghala ke Simpang Empat, Taiping, Perak dan merupakan laluan utama iaitu FT001 (Jalan Ipoh – Butterworth) dalam kawasan Parlimen Bukit Gantang yang bermula dari seksyen 661.00 dan berakhir di seksyen 687.00 (iaitu sepanjang 26 km). Di bawah skop penyenggaraan rutin dan berkala bagi 5 bulan pertama tahun semasa (2019), Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak **RM2.67 juta**, bagi tujuan penyenggaraan di jalan-jalan Persekutuan dalam kawasan Parlimen Bukit Gantang, Perak untuk memastikan keadaan jalan raya sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, sememangnya diakui **peruntukan penyenggaraan** untuk menurap semula jalan-jalan yang rosak yang diterima oleh Kementerian ini bagi **setiap tahun adalah terhad berbanding keperluan sebenar**. Ini adalah kerana peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) adalah **bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan semasa**.

Kementerian ini mengambil maklum perkara ini dan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada jalan-jalan Persekutuan yang mengalami kerosakan teruk dan akan diberi keutamaan apabila permohonan peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan diluluskan kelak. Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]**

**TARIKH : 17.7.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 50**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia membantu keperluan dana untuk penduduk daerah Ranau yang banyak berkaitan keperluan untuk penambahbaikan dan/atau pembinaan sistem bekalan air bersih graviti untuk penduduk di daerah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Alternatif seperti telaga tiub, telaga terbuka, sistem air graviti dan sistem tadahan air hujan merupakan salah satu mekanisme Kerajaan bagi membekalkan bekalan air bersih hanya kepada kampung-kampung tradisional yang terpencil dan tidak ekonomik untuk diberi kemudahan bekalan air melalui sistem retikulasi.
2. Untuk makluman Yang Berhormat jua, di bawah RMK-11 bagi tempoh dari tahun 2016 hingga tahun 2019, sebanyak RM21.0 juta telah diperuntukan bagi pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Alternatif di Negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM18.07 juta telah dibelanjakan bagi pelaksanaan 85 buah projek alternatif di Sabah. Manakala bagi

## **NO. SOALAN : 50**

Parlimen Ranau sepanjang RMKe-11, sebanyak RM4.24 juta telah peruntukkan bagi pelaksanaan 21 buah projek alternatif.

3. Kementerian ini menerima permohonan bagi bekalan air alternatif dari Pejabat Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Negeri Sabah, Pejabat Pembangunan Negeri (PPN), Pejabat Daerah, Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), pemimpin tempatan atau pihak individu. Walau bagaimanapun, sebelum sesebuah projek dilaksanakan, siasatan tapak akan dijalankan oleh pihak Kementerian bagi memastikan pelaksanaan projek tersebut berdasarkan skop dan kriteria yang telah ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
[MACHANG]**

**TARIKH : 17.7.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 51**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status kelulusan jambatan di Kampung Joh, Machang ke Kampung Belimbing, Tanah Merah yang merentasi Kelantan serta jalan luar bandar dari Kampung Sat ke Kampung Joh di Machang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kedua-dua projek yang disebutkan oleh YB adalah termasuk dalam Projek Jalan Luar Bandar (JALB) yang sedang dilaksanakan oleh kementerian.

2. Bagi projek pertama iaitu Projek Membina Jalan Dari Kg. Joh Ke Kg. Belimbing, Tanah Merah, Kelantan, pelaksanaan projek ini telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP1, RMKe-11). Pihak JKR selaku agensi pelaksana sedang dalam peringkat akhir pelantikan juru ukur tanah. Kerja-kerja rekabentuk dan proses pengambilan balik tanah akan dilaksanakan setelah kerja ukur selesai. Projek ini dijangka dapat diiklankan untuk ditender pada bulan Disember 2020. Skop yang diluluskan bagi projek ini adalah membina jalan sepanjang 1.5km dengan lebar jalan berturap 6 meter serta 2 buah jambatan.

3. Seterusnya, bagi Projek Jalan Dari Kg. Joh Ke Kg. Kuala Sat, Machang, Kelantan pula, pelaksanaan projek ini telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP2, RMKe-11). Kerja-kerja rekabentuk bagi projek ini telah selesai sepenuhnya yang merangkumi pembinaan jalan sepanjang 5km dengan lebar jalan berturap 5 meter dan 2 buah jambatan. Pada masa ini, pihak kementerian sedang melaksanakan proses pengambilan balik tanah dan projek ini dijangka dapat diiklankan untuk ditender pada bulan Disember 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019 [ RABU ]**

**SOALAN NO. 52**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam memperluaskan Skim Sewa Milik (*Rent to Own*) rumah di seluruh negara. Adakah skim sewa milik ini akan juga dilaksanakan di kawasan Parlimen Batu Gajah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan Skim Sewa Untuk Dimiliki atau *Rent To Own* (RTO) untuk Program Perumahan Rakyat (PPR) iaitu skim pembiayaan mudah yang ditawarkan kepada pemohon atau bakal pembeli yang gagal mendapatkan pembiayaan daripada mana-mana institusi kewangan.

2. Skim RTO mula diperkenalkan sejak tahun 2017 di PPR Gua Musang, Kelantan (1,000 unit) berikutan majoriti pemohon gagal

mendapatkan pinjaman perumahan secara konvensional dan telah ditolak atas sebab tidak memenuhi kelayakan yang ditetapkan oleh pihak bank dan institusi kewangan. Atas dasar keprihatinan Kerajaan bagi membantu rakyat yang terlibat ini, Skim RTO telah diperkenalkan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, hasil daripada sambutan yang menggalakkan, tindakan proaktif telah diambil oleh pihak Kerajaan melalui KPKT dengan memperluas Skim RTO ini kepada projek-projek lain seperti:

- (i) PPR Taman Danau, Kg Hassan (300 unit);
- (ii) PPR Taman Siliau Jaya (150 unit);
- (iii) PPR Lembah Subang 2 (842 unit);
- (iv) PPR Sri Aman Kepong (190 unit);
- (v) PPR Sentul Murni (500 unit); dan
- (vi) PPR Kota Bharu (1,000 unit).

4. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 1 projek PPR Taman Bandar Tasik Idaman yang merangkumi 9 unit rumah dan siap pada 2001, telah dijual secara konvensional sepenuhnya di kawasan Parlimen Batu Gajah.

5. KPKT juga sentiasa mengalu-alukan cadangan daripada pihak Kerajaan Negeri untuk mengemukakan permohonan pelaksanaan RTO sekiranya terdapat keperluan untuk meluaskan lagi Skim ini di PPR yang lain.

Sekian, terima kasih.